

24 JAN 2002

DR MAHATHIR Pengerusikan Mesyuarat MT UMNO

KUALA LUMPUR, 24 Jan (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini mempengerusikan mesyuarat Majlis Tertinggi Umno di ibu pejabat parti di sini.

Mesyuarat itu dijangka membincang antara lain rayuan anggota parti yang dikenakan hukuman oleh Lembaga Disiplin kerana melanggar peraturan parti termasuk penglibatan dalam politik wang pada pemilihan bahagian tahun lepas.

Awal bulan ini, Setiausaha Kerja Umno Senator Datuk Tengku Adnan Tengku Mansor dilaporkan berkata, MT dijangka membuat keputusan terhadap mereka yang terbabit setelah rayuan itu diteliti dan dikaji secara bebas oleh Sekretariat Rayuan.

Sehingga 5 Jan lepas, 27 daripada 41 anggota parti yang dikenakan hukuman termasuk digantung keanggotaan, telah mengemukakan rayuan kepada sekretariat itu.

-- BERNAMA

AFY SHS ZS MAI